

From: Unit Latihan Jabatan Pendaftar -PEND
Sent: Rabu, 17 Mac 2021 8:50 pg
To: UUM - All Staff
Subject: PEPERIKSAAN BAYARAN INSENTIF TUGAS KEWANGAN (BITK) 2021



JABATAN PENDAFTAR
REGISTRAR'S DEPARTMENT
Universiti Utara Malaysia

17 MAC 2021 / 3 SYAABAN 1442 H

**"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)**

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera

Tuan/Puan

PEPERIKSAAN BAYARAN INSENTIF TUGAS KEWANGAN (BITK) IPTA 2021 BAGI PEMBANTU AKAUNTAN, PEMBANTU TADBIR (KEWANGAN) DAN PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/OPERASI) YANG MENJALANKAN TUGAS KEWANGAN SEPENUH MASA

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa peperiksaan tersebut akan diadakan pada **16 Jun 2021 (Rabu)**. Peperiksaan ini layak dipohon oleh Pembantu Akauntan, Pembantu Tadbir (Kewangan), Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi) atau pegawai dalam skim perkhidmatan lain yang setaraf dan yang lebih rendah dari jawatan tersebut yang menjalankan tugas kewangan sepenuh masa dan menerima BITK RM 40.00 sebulan.

3. Untuk makluman, merujuk Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JPU) Ke-236 Bil. 7/2017, **yuran menduduki peperiksaan BITK sebanyak Lima Puluh Ringgit Malaysia (RM50.00)** akan dikenakan kepada calon yang akan **menduduki peperiksaan untuk kali yang kedua (2)**. Sekiranya calon berjaya dan lulus peperiksaan maka yuran tersebut akan dikembalikan.

4. Oleh itu, calon-calon yang layak dan berminat hendaklah mengisi borang permohonan dengan lengkap dan kemukakan ke Unit Peperiksaan, Jabatan Pendaftar **selewat-lewatnya sebelum atau pada 1 April 2021 (Khamis)** untuk proses penghantaran ke Urusetia Peperiksaan BITK IPTA, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM). Permohonan yang lewat diterima dari tarikh yang ditetapkan akan ditolak.

5. Untuk keterangan lanjut sila hubungi En. Khairul Anuar bin Ahmad di talian 3185.

6. Bersama-sama ini disertakan pautan borang pengesahan peperiksaan BITK, borang permohonan serta sukatan peperiksaan untuk tindakan tuan/puan selanjutnya.

i. [Borang Pengesahan Peperiksaan BITK](#)

- ii. [Borang Permohonan Menduduki Peperiksaan BITK](#)
- iii. [Sukatan Peperiksaan BITK](#)

Sekian, terima kasih.

BAHAGIAN PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA, JABATAN PENDAFTAR, UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
Kursus: 04-928 3185/3184/3187 | PBU & Peperiksaan: 04-928 3181/3188/3185
Faks: 04-928 3189 | E-mel: pend_latihan@uum.edu.my



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.